



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

NASKAH SEBUT HARGA

SH/2020-46/A-2/SB/CCIN

**KERJA PEMBAIKAN DAN NAIKTARAF RUANG
DAPUR DAN BILIK PRA-RAWATAN DI BLOK
BIOREFINERY, UTM PAGOH, MUAR, JOHOR**

TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK : **WAJIB :** _____

TIDAK WAJIB

TARIKH JUALAN : 28 SEPTEMBER 2020 HINGGA : 5 OKTOBER 2020

TARIKH TUTUP : 7 OKTOBER 2020

PENYELARAS PROJEK : AIZAT FAHMI BIN AHMAD
(No. samb.: 30316)

JURUUKUR BAHAN

BERTANGGUNGJAWAB : PN. NORHERNANI BINTI MD NOR
(No. samb.: 31200)

PAKEJ KERJA

SENIBINA ELEKTRIKAL MEKANIKAL AWAM LANDSKAP

No. Ruj. : UTM.J.05.01/11.13/3/1 20.52(1)
Tarikh : 26 September 2020

Kepada,

Penyebut Harga

Tuan,

SEBUT HARGA BAGI : **KERJA PEMBAIKAN DAN NAIKTARAF RUANG DAPUR DAN BILIK PRA-RAWATAN DI BLOK BIOREFINARY, UTM PAGOH, MUAR, JOHOR**

Sebut harga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LPIPM/CIDB, PKK atau Kementerian Kewangan* dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut;-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
Gred : **G1**
Kategori : **B (Pembinaan Bangunan)**
Pengkhususan : **B04 (Kerja Am Bangunan)**
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) *(jika berkenaan)*
- iv) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)
- v) Sijil Kementerian Kewangan

Borang Sebut Harga yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri bertanda **SH/2020-46/A-2/SB/CCIN** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di **Bahagian Kontrak Dan Perolehan, Jabatan Harta Bina, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** sebelum atau pada **07 OCT 2020** jam 12.00 tengah hari.

Kenyataan Sebut Harga, Senarai Semakan Sebut Harga, Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-Syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja, Borang Sebut Harga, Ringkasan Sebut Harga, Jadual Kadar Harga, Maklumat Penyebut Harga dan Lokasi Kerja dikembarkan bersama-sama ini.

Naskah Sebut Harga ini dijual dengan harga sebanyak **RM30.00**/naskah *(dalam bentuk Wang Tunai/Wang Pos/Bank Draft)*

Pihak UTM tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah sekali atau mana-mana Sebut Harga lain.

Sekian, terima kasih

"Berkhidmat untuk Negara"

Saya yang menjalankan amanah,

AFENDI BIN OSMAN

Ketua Bahagian Kontrak Dan Perolehan

b.p : Naib Canselor

samb : 31201

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LIPPM/CIDB, PKK atau Kementerian Kewangan dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut ;-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
 - Gred : **G1**
 - Kategori : **B (Pembinaan Bangunan)**
 - Pengkhususan : **B04 (Kerja Am Bangunan)**
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) *(jika berkenaan)*
- iv) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)
- v) ~~Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan~~

dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

**KERJA PEMBAIKAN DAN NAIKTARAF RUANG DAPUR DAN BILIK PRA-RAWATAN
DI BLOK BIOREFINERY, UTM PAGOH, MUAR, JOHOR**

NO. SEBUT HARGA : SH/2020-46/A-2/SB/CCIN

2. Segala butiran dan Naskah Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat **di Bahagian Kontrak Dan Perolehan, Jabatan Harta Bina, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** dengan mengemukakan bayaran dokumentasi sebanyak **RM30.00** di atas nama **Bendahari, UTM Johor Bahru, Johor** dalam bentuk Wang Tunai/Wang Pos/Bank Draf

3. Naskah Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Wakil-wakil Penyebut Harga yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran sahaja. Bagi Wakil-wakil Penyebut harga yang namanya tidak terdapat dalam Surat Pendaftaran hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Penyebut Harga/Wakil-wakil Penyebut Harga yang sah hendaklah membawa SURAT PENDAFTARAN ASAL yang dikeluarkan oleh LIPPM/CIDB, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR atau Kementerian Kewangan dan UTMfin (yang mana berkaitan)

4. Naskah Sebut Harga boleh diperolehi pada **29 SEP 2020** hingga **05 OCT 2020** mulai jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang di **Bahagian Kontrak Dan Perolehan, Jabatan Harta Bina, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor**

5. Sebut harga ini akan ditutup pada **07 OCT 2020**. Naskah Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Bahagian Kontrak Dan Perolehan, Jabatan Harta Bina, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.